



## **TEKS UCAPAN**

**MENTERI KERJA RAYA  
YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**

---

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA PROJEK  
PEMBINAAN MAHKAMAH BAHARU BACHOK, KELANTAN**

---

**14 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)**

## **SALUTASI**

*(Disediakan berasingan dan perlu disemak oleh Urus Setia semasa majlis berlangsung. Senarai nama tetamu undangan dan VVIP adalah di bawah tanggungjawab urus setia majlis)*

---

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

Terima kasih kepada saudari Pengerusi Majlis.

1. Saya berasa amat gembira dan bersyukur kerana kita semua diberi peluang untuk bersama-sama hadir di **Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Tender (SST) dan Pelantikan Pegawai Penguasa** bagi **Pembinaan Mahkamah Baharu Bachok, Kelantan** pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang sudi meluangkan waktu untuk hadir ke majlis ini.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

3. Sebagaimana sedia maklum, majlis pada pagi ini diadakan bertujuan untuk membuat penyerahan SST kepada kontraktor yang berjaya bagi projek **Pembinaan Mahkamah Baharu Bachok, Kelantan**.

4. Saya difahamkan projek ini bakal dilaksanakan secara Konvensional Dalaman, di mana semua reka bentuk dilaksanakan sendiri oleh *Head of Design Team* (HODT) Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dengan menggunakan teknologi *Building Information Modelling* (BIM).

5. Untuk makluman semua, projek Pembinaan Mahkamah Baharu Bachok ini merupakan projek yang telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1) Tahun 2021 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

6. Agensi pelanggan bagi projek ini adalah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri, manakala agensi pengguna ialah Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP).

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan mahkamah baharu bagi menggantikan bangunan mahkamah sedia ada di Bachok, Kelantan. Skop projek merangkumi:

- i) Satu (1) Bilik Bicara Mahkamah Sesyen;
- ii) Satu (1) Bilik Bicara Mahkamah Majistret;
- iii) Bilik / Ruang Sokongan; dan
- iv) Kelengkapan Mekanikal dan Elektrikal (M&E).

8. Tahniah kepada Syarikat MUTUAL PREMIUM SDN. BHD. yang berjaya dilantik untuk melaksanakan projek ini dengan nilai kontrak sebanyak RM40,990,000 juta dan tempoh kontrak adalah selama 156 minggu.

9. Ingin saya tegaskan di sini bahawa projek yang dipelawa ini, adalah projek yang melibatkan fasiliti awam dan pastinya ia melibatkan kepentingan rakyat. Justeru, suka untuk saya mengingatkan kepada pihak kontraktor Mutual Premium Sdn. Bhd untuk memastikan projek ini berjalan lancar, mengikut spesifikasi dan disediakan sebagaimana syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian kontrak.

10. Besar harapan saya agar syarikat kontraktor menghargai dan menggunakan kepercayaan yang diberikan ini dengan sebaiknya. Ini kerana tidak semua kontraktor mendapat peluang sebegini. Oleh itu, galaslah tanggungjawab ini dengan penuh komitmen. Semoga projek dapat diserahkan dengan sempurna dan memenuhi ekspektasi pihak pelanggan, dan seterusnya bermanfaat untuk rakyat.

11. Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada kementerian pelanggan atas kepercayaan penuh yang diberikan kepada Kementerian Kerja Raya melalui JKR Malaysia selaku agensi pelaksana.

Sekian, terima kasih.